

SULIT



Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

HGF222 - Geografi Fizikal

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Huraikan perkaitan antara pemanasan global dengan biogeografi dan biodiversiti.

[25 markah]

2. Huraikan aliran fluks untuk kitaran karbon secara am.

[25 markah]

Bahagian B

3. Jawab [a] dan [b].

[a] Jelaskan yang berikut:

- [i] infiltrasi
- [ii] sejatan
- [iii] aliran kapilari.

[9 markah]

[b] Huraikan proses dan faktor yang mempengaruhi sejatpeluhan.

[16 markah]

4. Jelaskan faktor yang mempengaruhi halaju arus sungai dan huraikan kesan bentuk saluran terhadap halaju arus.

[25 markah]

Bahagian C

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Jelaskan fenomena perubahan iklim.

[10 markah]

[b] Huraikan TIGA kesan perubahan iklim terhadap alam sekitar.

[15 markah]

6. Jawab [a] dan [b].

[a] Jelaskan fenomena pencemaran udara.

[10 markah]

[b] Huraikan TIGA faktor yang menyebabkan pencemaran udara.

[15 markah]

Bahagian D

7. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana hakisan pinggir pantai boleh dikurangkan.

[25 markah]

8. Huraikan proses-proses asas yang membentuk lanskap pinggir pantai-marin.

[25 markah]